



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR
DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO AZUMU
MAJLIS PELANCARAN 'TRAVEL VOUCHERS #TRAVELPERAKLAH
PASCA COVID-19
18HB JUN 2020 JAM 3.30 PETANG
MINI TEATER, KELLIE'S CASTLE, BATU GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatulla Hi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrohmanirrahim

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya' Iwalmursalin, Saidina Muhammadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa'ala Alihi Washohbihi Ajmain.

[SALUTATIONS]

1. Pertama sekali kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya kita dapat bertemu di Kellie's Castle, salah satu ikon pelancongan Negeri Perak pada petang yang berbahagia ini.

2. Sesungguhnya majlis kita pada hari ini amat bermakna selepas kita melalui tempoh yang amat mencabar melawan pandemik Covid-19. Alhamdulillah kita bersyukur kerana tindakan pantas kerajaan, pengorbanan para petugas barisan hadapan dan kerjasama semua

rakyat, kita telah berjaya membendung wabak ini. Hasilnya, kerajaan persekutuan dapat membuka semula hampir kesemua sektor ekonomi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

3. Ini termasuk membenarkan pembukaan semula sektor pelancongan tempatan yang amat kita semua nantikan. Sebagai penghargaan, saya nak ajak kita semua berikan tepukan yang paling gemuruh buat semua frontliners negara. Terima kasih frontliner.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohd Radzi dan pihak Tourism Perak di atas penganjuran majlis ini.

5. Terima kasih sudi jemput saya untuk merasmikan **MAJLIS PELANCARAN 'TRAVEL VOUCHERS #TRAVELPERAKLAH'**. Saya amat berbesar hati dapat bertemu dengan para penggiat sektor pelancongan di negeri kita ini. Apa khabar semua? Bagi pihak pentadbiran kerajaan negeri, saya ingin rakamkan ucapan penghargaan

kepada semua penggiat sektor pelancongan di negeri ini sebab beri kerjasama baik kepada kerajaan sepanjang tempoh PKP.

Tuan-tuan dan puan-puan moga-moga dirahmati Allah sekalian,

6. Industri pelancongan adalah antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Ia menyumbang 15.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan wujudkan 3.7 juta peluang pekerjaan di seluruh negara. Antaranya adalah tuan-tuan di depan saya ini sebagai pengusaha hotel dan penginapan, mereka yang usahakan pengangkutan, pusat

pusat membeli-belah, pengeluar produk cenderahati, pengusaha makanan dan minuman, penganjuran acara dan banyak lagi.

7. Sebagai contoh, di kawasan Batu Gajah ini, selain Kellie's Castle ini, kita ada pelbagai lagi tarikan pelancongan seperti Perak Agrotourism Resort, Pusat Rekreasi Lubuk Timah, Taman Alam Kinta (Taman Burung), Taman Herba Negeri Perak, Warisan Kapal Korek atau TT5, Taman Eko-Rimba Papan dan juga Istana Raja Billah atau Mandailing Mansion, iaitu Istana yang dibina menggunakan konsep binaan Mandailing.

8. Ramai rakyat di sekitar Batu Gajah dapat manfaat daripada sektor pelancongan antaranya pemandu pelancong, pengusaha penginapan, pengusaha restoran, gerai makan, dan sebagainya.

9. Sebab itu saya dan rakan-rakan dalam kerajaan negeri sangat susah hati apabila berlaku pandemik Covid-19. Kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan untuk menyelamatkan negara dan rakyat. Kita akui keputusan ini telah berikan kesan yang sangat besar kepada ekonomi, khususnya sektor pelancongan. Tak pernah dalam sejarah, kerajaan terpaksa hentikan semua aktiviti sosial dan ekonomi akibat darurat kesihatan seperti mana yang berlaku tiga bulan lepas.

10. Menurut Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Seri Nancy Shukri industri pelancongan rekodkan kerugian kira-kira RM20 bilion dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini. Beliau jangkakan kira-kira satu juta pekerja sektor pelancongan di Malaysia akan hilang pekerjaan. Kita amat memahami keluh kesah dan rintihan para penggiat pelancongan di negeri ini. Justeru, kerajaan negeri menyokong penuh inisiatif Kementerian Pelancongan Tourism wujudkan Recovery Action Council (TRAC) dengan kerjasama para penggiat industri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Pentadbiran Kerajaan negeri Perak juga amat mengalu-alukan keprihatinan Kerajaan Persekutuan bagi bantu industri pelancongan. YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah umumkan lanjutan Program Subsidi Upah kekalkan pekerja. Jadi dapatlah tuan-tuan pengusaha hotel kekalkan pekerja yang ada.

12. Alhamdulillah, baru-baru ini pula, YAB PM telah umumkan Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion untuk biayai inisiatif transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam sektor pelancongan. Turut diumumkan adalah beberapa langkah cukai

manfaatkan agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan.

13. Satu lagi pengumuman yang pastinya menggembirakan kita adalah lanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021.

14. Semalam, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob umumkan satu lagi berita yang melegakan, iaitu kerajaan setuju benarkan penganjuran mesyuarat, seminar, bengkel, kursus, latihan dan persidangan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Jumlah maksimum yang dibenarkan adalah terhad kepada 250

orang. Kebenaran ini tertakluk kepada kapasiti ruang penganjuran, mesti ada penjarakan sosial serta mematuhi pelbagai prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

15. Jadi para pengusaha hotel dan venue seminar bolehlah mula terima semula tempahan untuk acara-acara tadi. Walaupun untuk waktu ini ia terhad kepada maksimum 250 orang, tapi ini adalah permulaan yang melegakan kepada semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak adalah antara negeri yang terawal ambil langkah proaktif untuk bantu proses “restart” industri pelancongan. Untuk makluman tuan-tuan, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Perak Fasa Kedua, kita telah luluskan peruntukan sebanyak RM10.84 juta untuk bantu pemulihan industri pelancongan. Antara insiatif di bawah pakej ini adalah menaik taraf infrastruktur pelancongan serta menambah baik dan mempelbagaikan Strategi Penggalakkan Pelancongan.

17. Berita gembira buat tuan-tuan juga, kerajaan negeri juga akan berikan Pengecualian Bayaran Kadar Cukai Tiket kepada pengusaha

taman tema sehingga 31 Disember 2020 dan Pengecualian Bayaran Pembaharuan Lesen Hotel kepada 560 hotel yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

18. Bulan lalu, saya sendiri telah mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perak bagi mencari pendekatan terbaik untuk segerakan pemulihan sektor pelancongan negeri ini.

19. Hasilnya, baru-baru ini kita telah lancarkan pertandingan Digital Storytelling Pop Travels Cer Citer. Alhamdulillah, saya difahamkan ia

mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan para peserta akan memulakan sesi kursus secara 'online' bermula pada 22 Jun 2020.

20. Inisiatif adalah sebahagian daripada Program Transformasi TenagaKerja. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM4.3 juta untuk bantu 1,500 pekerja yang hilang pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan dalam pelbagai sektor.

21. Alhamdulillah hari ini, kita akan lancarkan satu lagi inisiatif untuk bantu pemulihan sektor pelancongan iaitu '**travel vouchers**'. Saya dimaklumkan baucar ini terbahagi kepada dua iaitu baucar bernilai RM50

bagi penginapan di hotel terpilih di dalam Negeri Perak dan baucar bernilai RM30 bagi produk pelancongan bernilai terpilih di sekitar Negeri Perak.

22. Baucar istimewa ini adalah:

- i) terbuka kepada semua pelancong dalam negara dan terhad kepada 1,500 keping baucar sahaja**
- ii) melibatkan pengusaha hotel dan produk pelancongan terpilih di dalam negeri perak**
- iii) sah digunakan bermula 1 Julai 2020 sehingga 30 November 2020**

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Bagi pihak kerajaan negeri, saya ingin menyatakan mesej yang cukup jelas kepada semua penggiat pelancongan bahawa pentadbiran ini serius dan komited untuk bantu rancakkan kembali sektor pelancongan negeri kita. Saya nak tuan-tuan semua tahu yang kerajaan negeri akan lakukan yang terbaik untuk bantu sektor pelancongan di Perak.

24. In shaa Allah banyak lagi inisiatif yang kita akan diusahakan bagi kembalikan keterujaan atau “excitement” rakyat Malaysia untuk

melancong ke negeri Perak. Kita yakin usaha-usaha ini akan wujudkan 'snow ball impact' ke seluruh industri pelancongan di Perak.

25. Tapi kita perlu bekerja dengan kuat, kita bekerja sama-sama, kita bersatu gunakan pelbagai cara kreatif dan inovatif, pendekatan luar kotak untuk mempromosikan negeri Perak. Sebagai contoh saya sendiri bagi idea rakam lagu "Moh Beraya Ke Perak". Tak ada negeri lain yang ada lagu raya khusus kecuali Perak. Alhamdulillah, lagu ini antara top 10 trending di Youtube. Bukan sahaja di Malaysia, malahan sampai ke Indonesia pun ada peminat.

26. Apa yang penting sekarang adalah kita perlu hantar mesej yang jelas kepada seluruh negara bahawa negeri Perak telah bersedia untuk menerima semula pengunjung dan pelancong. Saya difahamkan banyak hotel di Perak dan operator produk pelancongan sudah kembali beroperasi.

27. Untuk itu kita perlu wujudkan keyakinan atau “sense of confident” bahawa hotel dan produk pelancongan kita telah bersedia dengan SOP norma baharu yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, kita juga meminta para penggiat pelancongan untuk terapkan amalan baik yang digariskan oleh kerajaan

negeri. Saya dimaklumkan Tourism Perak juga sedang giat menjalankan kempen advokasi penerapan SOP norma baharu di kalangan penggiat industri. Jadi saya ingin tekankan, betapa pentingnya kerjasama semua pihak. Kita mesti tunjukkan yang kita serius untuk jaga keselamatan pelancong dan pengunjung.

28. In shaa Allah jika semua pihak kerja kuat, kita bekerja sebagai satu pasukan, kita ikhlas, kurangkan berpolitik, kita mampu pulihkan sektor pelancongan negeri Perak dengan cepat. Jadikan ini sebagai satu peluang untuk kita jadikan Perak sebagai destinasi pelancongan terbaik di Malaysia. Boleh tuan-tuan? Terima kasih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

29. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak YB Dato' Nolee dan Tourism Perak di atas kejayaan penganjuran majlis pada hari ini. Terima kasih juga kepada semua penggiat pelancongan yang sudi hadir. Sama-sama kita doakan semoga semua urusan kita dipermudahkan.

30. Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya melancarkan kempen promosi pelancongan "*Travel Vouchers #Travelperaklah*" bagi tahun 2020.

Ate, Moh Ke Perak!!

Sekian, wabillahitaufik, wahidayah, wassalamualikum wbt.